

27/05/2004

PM komited teruskan usaha LID

By Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberi komitmen meneruskan usaha menjadikan Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) platform terbaik menyelesaikan pelbagai masalah menghantui negara dunia ketiga.

Perdana Menteri berkata, pendekatan 'menang-menang' yang menjadi teras kerjasama pintar peserta dialog LID adalah asas terpenting bagi membawa pembangunan ke negara masing-masing.

"Saya sudah memberikan jaminan saya komited terhadap LID dan mahu melihatnya berjaya mencapai matlamat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar sempena pelancaran LID dan Dialog Perkongsian Pintar Antarabangsa (Global 2004) di Langkawi, Jun ini bersama Raja Swaziland, King Mswati III di Hotel Shangri-la Putrajaya, di sini semalam.

King Mswati III berada di sini untuk lawatan kerja, di samping menyerahkan hak sebagai hos LID dan Global 2004 kepada Malaysia.

Negara itu menjadi hos Smart 2003 yang diadakan bersama Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (Said) tahun lalu.

LID yang dipelopori Malaysia pada 1995 ketika pentadbiran bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, memberi ruang kepada peserta, sebahagian besar daripada negara ketiga, berkongsi pengalaman menerusi perkongsian pintar untuk kebaikan bersama.

Ia juga membolehkan peserta kalangan ketua negara, pegawai kerajaan dan ahli perniagaan dari lebih 16 negara mengenal pasti bidang kerjasama yang dapat diterokai untuk manfaat bersama.

Mengulas lanjut Abdullah berkata, komitmen beliau untuk meneruskan LID dan Smart 2004 itu juga sudah dinyatakan kepada King Mswati III ketika perbincangan kedua-dua pemimpin.

"Kami juga bersetuju memperbaharui misi asal untuk menghapuskan kemiskinan, konflik kaum, masalah penyakit seperti HIV yang membantutkan pembangunan di kalangan negara anggota" katanya.

Sementara itu, King Mswati III berkata, pergerakan perkongsian pintar yang bermula atas kepemimpinan inovatif Malaysia dan prinsip menang-menang menerusi dialog aktif sudah tersebar ke sebahagian pelosok dunia.

Beliau yakin kepemimpinan Abdullah terus menyemarakkan idea perkongsian pintar sejak pergerakan itu bermula.

"Menerusi dialog peringkat kebangsaan dan global, saya percaya konsep dan falsafah ini (perkongsian pintar) mampu membantu menyelesaikan masalah dan membangunkan negara peserta," katanya.

Sambil mengalu-alukan LID di Langkawi dari 29 hingga 31 Julai itu, King Mswati III berkata, pergerakan itu juga harus kembali kepada keutamaan asal iaitu mengurangkan kemiskinan, permasalahan kesihatan dengan tumpuan khas kepada HIV dan cabaran negara kecil.

"Ketika masa yang tidak menentu kini, prinsip perkongsian pintar adalah formula paling berjaya menyelesaikan konflik, sekali gus menjadikan dunia lebih selamat," katanya.

(END)